

# Kantoi kaut sotong secara haram

**13 nelayan  
Vietnam ditahan  
Maritim  
Malaysia di  
perairan negara**

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

**C**ubaan 13 nelayan asing warga Vietnam mengaut sotong di perairan negara ini kerana harganya yang tinggi di pasaran luar hingga mencecah RM300 sekilogram gagal apabila dua bot dinaiki mereka ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Dua bot terbabit ma-

sing-masing ditahan pada jarak 70 batu nautika dari Kuala Kemaman lebih kurang jam 8.30 dan 9.15 pagi, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abdul Rashid berkata, hasil pemeriksaan menjumpai sebanyak 40 kilogram sotong jarum dan peralatan menangkap sotong dalam kedua-dua bot terbabit.

Menurutnya, musim candat sotong yang baharu bermula dipercayai mendorong bot-bot asing itu menceroobh perairan negara.

"Kita percaya hasil sotong yang diperolehi ini untuk jualan di negara luar seperti China dan Taiwan kerana harganya sangat tinggi.

"Ini menjadi tarikan



Rashidilhadi menyoal siasat nelayan Vietnam ketika mereka tiba di Jeti Zon Maritim Kemaman.

kepada nelayan-nelayan asing termasuk dari Vietnam untuk datang. Musim candat sotong ini bermula dari Mac hingga Jun," ka-

tanya pada sidang media di Jeti Zon Maritim Kemaman, di sini.

Berikutan itu, Rashidilhadi berkata, Maritim Ma-

laysia akan memperketatkan pemantauan di sepanjang perairan Pantai Timur dan akan turut memantau melalui udara se-

panjang musim mencandat sotong bagi mengekang kemasukan nelayan asing.

Ditanya lanjut mengenai penahanan kedua-dua bot katanya, kesemua nelayan yang ditahan berusia antara 14 hingga 54 tahun itu didapati tidak mempunyai permit yang sah untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

"Kesemua hasil tangkapan termasuk bot dianggarkan bernilai sebanyak RM600,000.

"Semua nelayan itu ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda tidak lebih RM1 juta bagi tekong manakala denda sebanyak RM100,000 bagi setiap awak-awak atau penjara tidak lebih dua tahun jika sabit kesalahan," katanya.